

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

PDP 478 - Kaedah Mengajar Kesusasteraan

Masa : [3 jam]

Jawab **EMPAT** soalan sahaja. Soalan **SATU** wajib dijawab dan **TIGA** soalan yang lainnya bolehlah dipilih **SAMA ADA** satu soalan dari Bahagian A dan dua soalan dari Bahagian B atau sebaliknya.

1. "Seseorang pendidik kesusasteraan memerlukan pengetahuan yang luas tentang apakah itu kesusasteraan? Dan bagaimanakah hendak mengajar kesusasteraan supaya pengajarannya lebih berkesan dan menarik?" Berdasarkan pendapat di atas jawab soalan-soalan berikut:

- i) Apakah yang dimaksudkan dengan 'apakah' dan 'bagaimanakah' sebagaimana yang terdapat di dalam petikan di atas dan bagaimanakah keduanya itu mempunyai pertalian semasa pengajaran sastera dijalankan di dalam bilik darjah?
- ii) Rencanakan beberapa langkah yang dapat dilaksanakan oleh pendidik sastera supaya pengajarannya lebih berkesan dan menarik.

(25 markah)

BAHAGIAN A

2. Bincangkan beberapa kekuatan dan kelemahan yang terdapat di dalam perkaedahan Pengajaran Kesusasteraan. Perbincangan ini hendaklah berdasarkan kepada bukti-bukti yang pernah dibincangkan.

(25 markah)

...2/-

3. Bentangkan beberapa permasalahan yang sedia dan sering terdapat di dalam pengajaran Kesusastraan Melayu dan cadangkan beberapa langkah membina untuk mengurang atau mengatasi masalah tersebut.

(25 markah)

4. "Seorang pendidik sastera sering dikatakan boleh mengajar kemahiran bahasa dan sastera, ini kerana kedua-dua matapelajaran tersebut seperti dua saudara kembar yang sukar dipisahkan".

- i) Adakah anda setuju dengan kenyataan di atas? Kalau setuju mengapa dan kalau tidak setuju mengapa?
- ii) Bagaimanakah bahan-bahan sastera boleh digunakan untuk mengajar kemahiran bahasa dan berbahasa di dalam pengajaran Bahasa Malaysia?

(25 markah)

BAHAGIAN B

5. "Pendidik sastera kurang didedahkan dengan pengetahuan tentang penubuhan bahan-bahan ujian dan penilaian sastera". Berdasarkan petikan di atas, jawab soalan-soalan berikut.

- i) Nyatakan dengan selengkapnya apakah yang diertikan dengan teksonomi ujian kesusastraan dan buat DUA soalan beserta dengan skima dan jawapannya untuk menyokong penyataan anda itu.
- ii) Apakah yang diertikan dengan ujian berbentuk "moody"?

(25 markah)

...3/-

6. Berdasarkan kepada buku teks yang telah ditetapkan, rangkakan satu Rancangan Pengajaran puisi ATAU prosa. Rancangan Pengajaran hendaklah bersesuaian dengan objektif pendidikan Sastera Tingkatan 4 atau 5.

(25 markah)

7. Bincangkan kaedah pengajaran drama dan kaitkan pengajaran tersebut dengan objektif pengajaran drama sebagaimana terkandung di dalam Sukatan Pelajaran Kesusteraan.

(25 markah)

- oooOooo -

260